

Rujukan : UKM HTM. 3/224/2/3

Tarikh : 7 Februari 2024

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 5/ 2024

Ketua
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN BERKENAAN SURAT AKUAN KAKITANGAN UNIVERSITI YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM)

Dengan hormatnya, perkara di atas dan surat Jabatan Bendahari bertarikh 11 Januari 2024 berkenaan Surat Akuan Kakitangan Universiti Yang Terlibat Dalam Perolehan dirujuk.

2. Selaras dengan Surat Pemakluman Jabatan Kewangan bertarikh 9 Februari 2023, Semua kakitangan yang terlibat secara langsung dalam urusan perolehan hendaklah mengisi **Lampiran A - Surat Akuan Kakitangan Universiti Yang Terlibat Dalam Perolehan** (seperti dilampirkan) setiap tahun sebelum menguruskan sesuatu proses perolehan di Pusat Tanggungjawab (PTj) termasuk kakitangan yang terlibat dalam urusan pendahuluan diri dan panjar wang runcit. Surat Akuan yang telah lengkap diisi hendaklah difailkan dan disimpan di peringkat PTj.

Sebarang pertanyaan, boleh berhubung dengan Unit Dasar dan Penguatkuasaan, Jabatan Kewangan di sambungan 6488 (Puan Siti Rahayu binti Mat Nayan)/ 6972 (Puan Noriman binti Yahya). Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan di dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



WAN OMI BINTI HJ WAN YUSSOP C.A.(M)

Ketua
Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz



UNIT DASAR DAN PENGUATKUASAAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 6489/ 6972/ 5189 E-mail: unitdasarikew@ppukm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my/kewangan

- sk - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Hanafiah bin Harunarashid**
Pro Naib Canselor
Kampus Kuala Lumpur
- **YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman bin Jarmin**
Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- **Encik Mohd Fahmeey bin Hashim**
Ketua Jabatan Pembangunan Prasarana
Kampus Kuala Lumpur
- **Puan Kamariah bin Md. Nasir**
Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Kampus Kuala Lumpur
- **Kapten (B) Hamon Rafiz bin Abd Hamed**
Ketua Bahagian Keselamatan
Kampus Kuala Lumpur
- **Encik Abd Razak bin Sulaiman**
Ketua Bahagian Kenderaan
Kampus Kuala Lumpur
- **Cik Nurul Hafizah binti Rasabar**
Ketua Pejabat Undang-Undang
Kampus Kuala Lumpur



UNIT DASAR DAN PENGUATKUASAAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 6489/ 6972/ 5189 E-mail: unitdasarjkeu@ppukm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my/kewangan



SURAT AKUAN KAKITANGAN UNIVERSITI YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN

Saya _____ No. Kad Pengenalan _____ adalah dengan sesungguhnya
dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:-

- i) Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan;
- ii) Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
- iii) Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
- iv) Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii dan iii dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;
- v) Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- vi) Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada manamana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- vii) Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Nama :	Disaksikan oleh* :
No. KP :	No. KP :
Tandatangan :	Tandatangan :
Jawatan :	Jawatan :
Tarikh :	Tarikh :

Catatan:

- i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- ii) **disaksikan oleh Ketua Jabatan

